

Kenyataan media
Untuk edaran segera

MDEC Umum Pelantikan Empat Tokoh Industri Sebagai Lembaga Pengarah Baharu

Keputusan ini dijangka akan meningkatkan usaha untuk mencipta semula MDEC dan seterusnya mendorong ekonomi digital untuk kepentingan semua golongan rakyat

Kepakaran para pemimpin industri yang berjaya ini akan meningkatkan komposisi Lembaga Pengarah sedia ada dan menumpukan fokus terhadap inisiatif strategik kebangsaan

CYBERJAYA, 9 NOVEMBER 2020 : Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) hari ini mengumumkan pelantikan empat tokoh industri yang telah mencetuskan impak dalam bidang masing - masing sebagai Ahli Lembaga Pengarahnya yang baharu. Ini sekaligus menunjukkan komitmen berterusan agensi ini dalam memacu ekonomi digital negara pada era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan seterusnya mencapai visi Malaysia 5.0. Pelantikan ini juga dijangka bakal mengubah landskap sektor ini apabila MDEC kini disertai oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah yang berkepakaran dalam teknologi digital kritikal membabitkan data, kecerdasan buatan (AI), transformasi digital, keusahawanan dan tadbir urus.

" Misi saya adalah untuk mempelbagaikan komposisi Lembaga Pengarah bagi mengukuhkan MDEC dalam membawa manfaat teknologi dan penyelesaian digital ke semua lapisan masyarakat. Usaha menyatukan tokoh-tokoh industri yang berkaliber ini akan memperkuat fokus bagi memenuhi keperluan seluruh segmen masyarakat serta pada masa sama mempercepat kedudukan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN," kata Pengerusi MDEC, Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff.

Rekod pemimpin - pemimpin yang diiktiraf di peringkat global ini juga akan memberikan kepakaran dalam sektor yang diperlukan termasuk kepemimpinan berprestasi tinggi dan tadbir urus yang baik kepada MDEC. Ahli Lembaga Pengarah baharu ini juga dijangka akan mengukuhkan usaha MDEC untuk memanfaatkan peluang pada tahap berikutnya di samping memberi manfaat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan mikro, pekerja gig ekonomi, syarikat

multinasional dan sektor awam.

Keempat anggota baharu ini akan melengkapkan tujuh anggota Ahli Lembaga Pengarah sedia ada dan akan bersama Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri dan pasukan pengurusan kanan untuk menerajui agensi ini mencipta semula pendekatan terhadap perkembangan rakyat Malaysia supaya mahir secara digital, perniagaan bertenaga digital dan menarik pelaburan digital untuk mencapai

Aireen Omar merupakan Presiden Kumpulan AirAsia (AirAsia Digital) yang bertanggungjawab terhadap strategi digital, mempromosikan inovasi dalam kumpulan dan mendorong kerjasama seluruh perniagaan dan pasaran AirAsia.

Beliau memainkan peranan penting untuk melaksanakan inisiatif berhubung strategi digital syarikat penerbangan berkenaan dan memacu Kumpulan AirAsia menjadi syarikat global berasaskan teknologi awam (cloud) dan data. Menerusi RedBeat Ventures pula, Aireen bertanggungjawab memupuk dan mengembangkan perniagaan digital dan teknologi kewangan seperti BigLife, BigPay, Teleport, Santan dan mengubah airasia.com menjadi lebih daripada sekadar platform syarikat penerbangan.

Aireen memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari London School of Economics dan Science (LSE) dan Ijazah sarjana bidang sama dari Universiti New York, Amerika Syarikat.

Dr. Dhesi Baha memiliki Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan perubatan (Doktor Kesihatan Awam) dan sangat meminati bidang sains data dan AI. Salah satu sumbangan utamanya kepada negara ialah penciptaan i-kelahiran iaitu perisian yang merekod data kelahiran, jadual imunisasi dan mengesan kehamilan berisiko tinggi dengan tepat. Teknologi ini kemudian digunakan di hospital dan klinik kerajaan di seluruh negara.

Setelah memenangi hadiah pertama dalam Pertandingan Impak Global, Dr. Global menerima biasiswa ke Singularity University di Lembah Silikon yang mana beliau bersama-sama pasukan penyelidik telah mengasaskan AI dalam perubatan Epidemiologi iaitu perisian yang berkemampuan untuk mengenal pasti wabak maut tiga bulan lebih awal serta berupaya mengenalpasti lokasi pesakit dalam radius sehingga 400 meter. Sumbangannya dalam AI dan kawalan penyakit berjangkit telah melayakkan beliau menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa dengan yang terbaharu memenangi hadiah utama di Anugerah Inovasi Sains Hayat Pistoia di King's College London. Ini merupakan anugerah utama yang diberikan oleh 10 orang wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2016. Setahun kemudian, Dr. Dhesi Baha disenaraikan sebagai Top 10 dalam senarai Anugerah Inovator Bawah 35 oleh MIT.

Beliau juga pernah menerima jemputan Canselor Jerman, Angela Merkel yang berminat untuk mendengar taklimatnya berhubung AI bagi mencegah anti mikrob terkait penggunaan teknologi untuk menyelesaikan masalah di negara itu. Dr. Dhesi juga merupakan salah seorang pakar yang merancang penggunaan teknologi untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari bagi PBB dalam pertemuan

membabitkan pakar- pakar seluruh dunia di New York dan Geneva.



Farouk Peter Lee mempunyai pengalaman luas dengan syarikat multinasional global dan kini merupakan Pengurus Besar Bagi Pasaran Asia untuk Operasi Kumpulan AXA yang bertanggungjawab menguruskan penyampaian perkhidmatan bersama IT (Infrastruktur dan Aplikasi) bagi perniagaan AXA di Asia. Lee juga merupakan Pengerusi AXA Group Operations Hong Kong dan Ahli Lembaga Eksekutif AXA Group Operations Malaysia dan Filipina.

Beliau juga memiliki pengalaman lebih 25 tahun memimpin dan mendorong operasi dan perubahan IT sekaligus melonjakkan industri insurans dan perbankan di seluruh Asia seperti Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Korea Selatan, China dan Hong Kong. Lee telah memainkan peranan dalam memimpin Accenture, DXC Technologies, New York Life Insurance, Zurich Insurance, MetLife dan AXA.

Beliau merupakan lulusan Universiti Brown, Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan Elektrik.

Jaleeludeen Abu Baker ketika ini merupakan Pengarah Undang-Undang dan Pentadbiran di AHB International Berhad dan juga Pengarah Eksekutif Antah Holdings Berhad. Beliau juga merupakan sebahagian daripada pasukan yang diamanahkan untuk melakukan rombakan dan penstrukturan semula syarikat Antah Group. Antara tugas yang dilaksanakan ialah memperbaiki pelbagai masalah tadbir urus korporat. Jaleeludeen juga melakukan tinjauan undang-undang dan korporat yang komprehensif terhadap portfolio pelaburannya dan memimpin penyelesaian pertikaian yang wujud.

Beliau juga merupakan Pengarah di SAB Global, pemilik dan pengurus pusat Pembelajaran dan Peningkatan Kanak-kanak Axiom di Malaysia. Sebelum ini, beliau memimpin perniagaan perkhidmatan wang berlesen dan mewakili industri pertukaran wang tempatan pada Laporan Penilaian Bersama 2014 bagi mengenai pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan di Malaysia.

Jaleeludeen memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan diterima sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1995. Beliau juga merupakan Pegawai Amanah yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Setiausaha Syarikat berlesen dan Ahli Jawatankuasa Institut Setiausaha Syarikat yang diluluskan (IACS).

Keempat-empat pelantikan baharu ini menyusul selepas Lee Chin Cheh dan Profesor Madya Dr Muhammad Abdullah Zaidel diumumkan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sebelum ini. Anggota Lembaga Pengarah yang lain termasuk Pn Afidah Azwa Abdul Aziz, Profesor Dato' Dr. Halimah Badioze Zaman dan Mohd. Yuzaidi Mohd. Yusoff.

MDEC sentiasa melaksanakan agenda yang berpandangan jauh untuk menjadikan Malaysia sebagai perintis industri digital yang dapat dilihat menerusi ikrar -ikrar yang akan dilaksanakan dengan segera.

" Saya berasa bersyukur kerana keempat - empat pencetus dalam industri ini telah menerima pelawaan untuk berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah MDEC. Lembaga Pengarah ini mempunyai kekuatan dan saya berharap dapat bekerjasama dengan kesemua mereka serta Ketua Pegawai Eksekutif MDEC dan pasukan pengurusan kanan untuk meningkatkan usaha memberikan impak yang lebih besar dan hasil yang adil kepada semua. Saya yakin kepelbagaian pengalaman dan pemikiran akan menentukan dan mendorong strategi dan hasil , mencipta semula ekonomi digital untuk mencapai visi Malaysia 5.0, " tambah Datuk Wira Dr Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff.

###

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif- inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec